

15/10/2003

Usaha kita pulih ekonomi diiktiraf

USAHA kerajaan merangsang pertumbuhan ekonomi negara sehingga diiktiraf di peringkat antarabangsa, sepatutnya menjadi kebanggaan rakyat terutama ketika kita menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) bermula esok. Kejayaan kita terbukti apabila Standard & Poor menaikkan gred penarafan ekonomi Malaysia minggu lalu kepada A- berbanding BBB+ sebelum ini. Keputusan agensi penarafan antarabangsa itu jelas membuktikan bahawa dunia mengiktiraf ekonomi negara sebagai sudah benar-benar pulih. Kedudukan ekonomi memberangsangkan ini juga dapat dilihat pada prestasi menggalakkan Bursa Saham Kuala Lumpur apabila Indeks Komposit melonjak hingga menjangkau paras 800 mata minggu lalu.

Seperti yang disebut Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaluddin Mohd Jarjis semalam, pemulihan ekonomi negara adalah berkat pakej ekonomi dan Bajet 2004 yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini. Kesannya, Malaysia terus menjadi destinasi pelaburan asing yang menarik walaupun berdepan dengan persekitaran luar yang tidak menentu. Ini jelas dapat dilihat melalui arah aliran pelaburan langsung asing (FDI) yang besar iaitu berjumlah RM3.1 bilion pada suku kedua tahun ini, malah Malaysia menduduki tangga ke-23 dalam usaha menarik FDI pada tempoh berkenaan, berbanding tangga ke-42 tahun lalu.